

PETIKAN TITAH
 "PENCAPAIAN guru-guru yang menerima anugerah kecemerlangan sempena Hari Guru hendaklah dijadikan model dan benchmark kepada guru-guru yang lain. Dan benchmark itu sewajarnya tidak statik



MANISNYA IMAN
 "DARIPADA Sahal ibnu Mui'az ibnu An'as, daripada bapanya Radiallahuanhum sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa yang mengajarkan satu ilmu maka baginya

Rabu

28 September 2005
 24 Syaaban 1426
 Tahun 50 Bilangan 39

Berita Utama

Berita Ringkas

Haluan

Dari Sidang Pengarang

Melirik Masa Silam

Sorotan

Menjaga Kesihatan Abiskita

Aneka Rencana

Fokus

Suara Dari Mimbar

Menuju Keredaan Allah

Sepuluh Negara Satu Masyarakat

Sudut Perkhidmatan Awam

Minda Pembaca

Arena Sukan

Iklan-iklan Tawaran

Iklan-iklan Tawaran Kerja

Arkib

TAHUKAH AWDA?

ANTARA Dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam ialah menyediakan pendidikan selama dua belas tahun bagi setiap pelajar iaitu tujuh tahun pendidikan rendah termasuk setahun pra-sekolah; tiga tahun di menengah bawah dan dua tahun di menengah atas atau sekolah vokasional atau maktab teknik. Menurut Perangkaan Pendidikan 2004, terdapat 103,441 orang penuntut dan 8,215 tenaga pengajar. Manakala jumlah sekolah, maktab, institusi kerajaan dan swasta pula sebanyak 379 buah iaitu peringkat rendah (123), sekolah agama khas (43), peringkat menengah (28), peringkat teknikal dan vokasional (6), peringkat tinggi (UBD, ITB) (2), sekolah bukan kerajaan (169), sekolah persediaan Arab (7) dan Maktab Perguruan Ugama (1).
 Sumber:
www.pendidikan.gov.bn/statistik
www.pendidikan.gov.bn/policy/htm.

Pelita Brunei Online
 Jabatan Penerangan
 Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto:pelita@pelita.gov.bn)

HALUAN



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-15 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada hari Sabtu, 20 Syaaban 1426/24 September 2005.

PERSEKITARAN SELESA, GURU YANG BERPENGALAMAN JADI TARIKAN PELAJAR

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
 Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULLILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Marilah kita sama-sama merafakkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat hadir bagi meraikan sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam buat kali ke-15.

Saya terlebih dahulu menjunjung kasih yang setinggi-tingginya ke hadapan majlis paduka ayahanda di atas kepercayaan baginda pada menitahkan saya untuk mewakili baginda di Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Paduka ayahanda dengan tulus ikhlas menyampaikan rasa terkilan kerana tidak dapat berangkat sendiri ke majlis ini disebabkan oleh kerana baginda masih berada di luar negara setelah menghadiri ASEAN-UN Leaders Meeting, High-Level Plenary Meeting dan General Debate of The 60th Session of The United Nations General Assembly di New York.

Tetapi walau bagaimanapun, paduka ayahanda sekali-kali tidak lupa menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga guru dan juga mereka yang berkaitan dengan sambutan bersejarah ini.

Baginda juga berdoa semoga Hari Guru akan tetap menjadi wadah bagi kita mengenang dan menghargai jasa-jasa para guru kita selaku pengasas dan pencetus kejayaan bangsa.

Seperti juga pada tahun-tahun yang lalu, sambutan ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua warga guru atas sumbangan mereka yang berharga kepada pembangunan serta juga perkembangan sumber tenaga manusia. Kita penuh yakin, mereka akan meneruskan komitmen secara tulus ikhlas pada menyumbangkan apa sahaja yang terbaik dalam pendidikan negara.

Tema sambutan Hari Guru pada tahun ini, 'Guru Pengasas Kejayaanku' adalah benar-benar mencerminkan peranan guru sebagai pencorak masa depan bangsa. Tema yang indah ini janganlah hanya untuk diungkapkan sahaja, tetapi wajar diterjemahkan menjadi sikap yang benar-benar tulus terhadap guru. Sebagai pengasas dan pencetus kejayaan, mereka itu memang patut dihargai sekurang-kurangnya dengan ucapan terima kasih serta doa terhadap mereka.

Tugas mendidik atau mengajar, bukanlah satu kerjaya atau profesion biasa, tetapi ia juga satu kewajipan besar lagi mencabar yang dibebankan oleh negara. Ia akan menjadi ibadat istimewa sekiranya ia ditunaikan dengan sebaik-baiknya.

Kerana itu walaupun ia berat, namun bagi mereka yang memahami hikmatnya, akan tetap menggemari serta merasa puas dengannya, di mana kepuasan itu pula akan lebih melinjak lagi apabila mendapati anak didik beroleh kejayaan.

Bercakap mengenai kejayaan, ia adalah berkait rapat dengan kualiti pendidikan serta juga persekitaran persekolahan. Kualiti itu bukanlah dengan memiliki prasarana yang lengkap semata-mata, tetapi juga turut dipengaruhi oleh iklim keceriaan dan kerianan para pelajar untuk menerima pelajaran-pelajaran mereka.

Maka ke arah ini, ada dua faktor bagi sesebuah sekolah itu perlu memilikinya. Pertama, persekitaran yang selesa dan kedua, guru-guru yang baik dan berpengalaman. Kedua-dua faktor ini menjadi nadi tarikan dan keseronokan bagi pelajar-pelajar untuk lebih giat belajar.

Kewajipan kita semua, lebih-lebih lagi guru-guru ialah menjadikan sekolah sebagai rumah kedua (second home) kepada pelajar-pelajar, di mana mereka cukup seronok dan berbangga dengannya, bukan menganggapnya sebagai tempat yang menyusahkan.

Hasrat negara yang utama ingin melihat pelajar-pelajar kita benar-benar memahami kepentingan ilmu pengetahuan serta kewajipan bagaimana untuk kita mencapai tahap pendidikan yang betul-betul sebanding dengan negara-negara maju.

Sebagai salah satu usaha kita membudayakan diri dengan ilmu, dapat dibuktikan dengan keanggotaan negara di dalam Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu atau UNESCO. Daripadanya kita dapat mempelajari pelbagai kaedah serta menggunakannya apa-apa yang bersesuaian.

Matlamat dari semua langkah atau usaha kita ialah pendidikan yang berkualiti. Maka sehubungan ini, telah diambil maklum bahawa mulai daripada penggal pertama persekolahan tahun 2006, kawalan ke atas sekolah-sekolah agama dan Sekolah-sekolah Menengah Arab termasuk Maktab Perguruan Ugama adalah dikembalikan ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Alhamdulillah, walaupun secara relatifnya sudah banyak yang kita capai dalam bidang pendidikan itu, namun sikap tidak lekas berpuas hati dengan pencapaian yang ada, masih perlu dikekalkan. Kerana sifat ilmu itu sendiri menghendaki kita demikian, di mana ia terus berkembang tanpa titik penghujung.

Kita mengharapkan supaya seluruh warga pendidik di negara ini akan sentiasa menajamkan alat pendidikan iaitu kecekapan masing-masing, supaya lekas negara ini memperolehi hasilnya. Pendidik yang berjaya pasti melahirkan anak didik yang berjaya pula.

Se kian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.